



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2015=100)

SEPTEMBER 2022

SEPTEMBER 2022



Laman Sesawang: jpes.mofe.gov.bn
 E-mel: info.statistics@jpes.gov.bn
 Instagram: @statistics.jpes



جباتن فرانشن ايكونومي دان ستاتيسيكي
 JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
 KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

INDEKS HARGA PENGGUNA SEPTEMBER 2022

Bulan-ke-Bulan

September 2022 /
Ogos 2022

▲ 0.2%

Tahun-ke-Tahun

September 2022 /
September 2021

▲ 4.3%

Bulan-ke-Bulan



Tahun-ke-Tahun



Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan ▲ 6.7%

Daging

▲ 12.8%

Beras dan Bijirin

▲ 4.9%

Minyak dan Lemak

▲ 25.7%

Bukan Makanan ▲ 3.7%

Pengangkutan

▲ 5.9%

Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan

▲ 13.8%

Restoran dan Hotel

▲ 3.9%

Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada waktu yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.



Website: deps.mofe.gov.bn
 Email: info.statistics@jpes.gov.bn
 Instagram: [@statistics.jpes](https://www.instagram.com/statistics.jpes)



جباتن فرانچغن ايكونومي دان ستاتيستيك
 DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
 MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
 BRUNEI DARUSSALAM

CONSUMER PRICE INDEX

SEPTEMBER 2022

Month-on-Month

September 2022 /
August 2022


▲ 0.2%

Year-on-Year

September 2022 /
September 2021

▲ 4.3%

Month-on-Month



Year-on-Year



Main Contributors

Year-on-Year

Food

▲ 6.7%

Meat



▲ 12.8%

Rice and Cereals



▲ 4.9%

Oil and Fats



▲ 25.7%

Non-Food

▲ 3.7%

Transport



▲ 5.9%

Miscellaneous Goods and Services



▲ 13.8%

Restaurants and Hotels



▲ 3.9%

Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-Month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-Year means to compare prices with the same month in the previous year.



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS HARGA PENGGUNA BAGI BULAN SEPTEMBER
2022**

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA:

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENINGKAT SEBANYAK 0.2 PERATUS BAGI BULAN SEPTEMBER 2022 BERBANDING OGOS 2022.

1. Bagi bulan September 2022, Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat sebanyak 0.2 peratus berbanding dengan bulan Ogos 2022. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan, dan Indeks Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.1 peratus dan 0.2 peratus.
2. Berbanding dengan bulan September 2021, IHP meningkat sebanyak 4.3 peratus. Peningkatan IHP ini adalah selaras dengan peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan, dan Bukan Makanan masing-masing sebanyak 6.7 peratus dan 3.7 peratus.
3. Peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga makanan seperti Minyak dan Lemak 25.7 peratus; Daging 12.8 peratus; dan Beras dan Bijirin 4.9 peratus. Peningkatan harga Minyak dan Lemak adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga minyak masak daripada negara-negara pembekal. Kenaikan harga daging ayam adalah penyumbang utama kepada peningkatan harga Daging disebabkan oleh kos makanan ternakan ayam yang tinggi. Manakala, peningkatan harga produk mi adalah berikutan dengan kenaikan harga gandum global.
4. Peningkatan harga Bukan Makanan adalah didorong oleh Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak 13.8 peratus; Pengangkutan 5.9 peratus; dan Restoran dan Hotel 3.9 peratus.
5. Kenaikan harga Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh harga insurans kenderaan yang dipengaruhi oleh harga pasaran kereta. Di samping itu, peningkatan bagi Pengangkutan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga tiket penerbangan. Manakala, peningkatan harga Restoran dan Hotel adalah selaras dengan kenaikan kos perkhidmatan catering berkontrak.
6. IHP mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan September 2022 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

CONSUMER PRICE INDEX FOR SEPTEMBER 2022

BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

CONSUMER PRICE INDEX (CPI) INCREASED BY 0.2 PER CENT FOR SEPTEMBER 2022 COMPARED TO AUGUST 2022.

- In September 2022, the Consumer Price Index (CPI) increased by 0.2 per cent as compared to August 2022. This was driven by the increase in Food and Non-Alcoholic Beverage Index, and Non-Food Index by 0.1 per cent and 0.2 per cent respectively.*
- As compared to September 2021, the CPI had increased by 4.3 per cent. The rise in the CPI was parallel with the increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages, and Non-Food prices by 6.7 per cent and 3.7 per cent respectively.*
- The increase in Food and Non-Alcoholic Beverages was due to the rise in food prices such as Oil and Fats 25.7 per cent; Meat 12.8 per cent; and Rice and Cereals 4.9 per cent. The rise in Oil and Fats was mainly caused by the increase in prices of cooking oil from producing countries. Chicken meat prices contributed to the rise in Meat prices due to the high cost of chicken feed. Furthermore, the price of noodles rose following heightened global wheat prices.*
- The increase in the Non-Food component was driven by Miscellaneous Goods and Services 13.8 per cent; Transport 5.9 per cent; and Restaurants and Hotels 3.9 per cent.*
- Miscellaneous Goods and Services prices rose mainly due to the increase in the price of vehicle insurance influenced by the market prices of cars. The increase in the prices of Transport is mainly contributed by the rise in prices of air fares. Moreover, Restaurants and Hotels price increase was in line with the rise in cost of contract catering services.*
- The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for September 2022 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*